

Bukan senang kekalkan keaslian Gedung Kuning

KERJA-KERJA mengekalkan keaslian Gedung Kuning bukanlah mudah sehingga pihak kontraktor terpaksa berkunjung ke Vietnam untuk mendapatkan bekalan seramik dengan awan larat yang mirip asal.

Seramik-seramik bagi sebahagian lantai bangunan tersebut diperolehi selepas pembekal di Vietnam menyalin semula awan larat seramik asal dan menghasilkan replikanya.

Mengesahkan hal itu, pegawai projek, Yayasan Warisan Melayu (YWM), Encik Khalid Abdul Shukur, mengatakan bahawa seramik itu dihasilkan semula untuk mengemulakan bentuk asal pada sebahagian lantai di tingkat bawah.

"Memandangkan ada masalah air meresap ke tanah, kami terpaksa turap semula lantai dan bermakna terpaksa memasang semula seramik-seramik mirip asal.

"Disebabkan itu, kami terpaksa mencari pembekal yang boleh meniru dan menghasilkan seramik di Vietnam," ujar Encik Khalid.

Seorang penyelia di tapak projek tersebut, Encik Lau Ah Lam, dari syarikat CPG Consultants Pte Ltd, berkata:


"Seramik asal memang sukar didapati. Kami tiada pilihan dan lantas mencari pembekal yang boleh menghasilkan seramik mirip asal.

"Nampaknya seramik tiruan tidak banyak berbeza daripada yang asal dan tidak kurang menarik selepas dipasang."

Mengenai kegunaan Gedung Kuning itu, Encik Khalid menyatakan ia mungkin dijadikan tempat kegiatan komersial.

Oleh kerana itulah, pihaknya kini membuka tawaran kepada pihak yang berminat untuk menjalankan kegiatan di situ. Beliau berkata, mereka yang berminat boleh mengemukakan saranan untuk dibincangkan dengan pihak yayasan tersebut.

Keterangan lanjut boleh didapati dengan menghubungi YWM di talian 6332-3561 atau DTZ Debenham Tie Leung Pte Ltd di talian 6293-3228.



Serupa seramik asli: Seramik yang menyelaputi lantai Gedung Kuning ini terpaksa ditiru mengikut corak asal dan dihasilkan di Vietnam.

Jadi restoran atau pusat komersial?

RESTORAN atau pusat kegiatan komersial?

Persoalan mengenai kegunaan Gedung Kuning itu masih belum diputuskan Jawatankuasa Pengurusan Projek Taman Warisan Melayu meskipun bangunan tersebut hampir siap.

Pengerusi jawatankuasa itu yang juga Mayor Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) North-east, Encik Zainul Abidin Rasheed, berkata:

"Kami masih menimbangkan kegunaan komersialnya walaupun ia diperuntukan sebagai sebuah

restoran.

"Ada pihak yang berminat untuk membuka Gedung Kuning ini sebagai galeri seni dan kami masih terbuka dari segi kegunaannya.

"Sama ada ia digunakan sebagai restoran atau galeri seni, kami akan tetap menerapkan ciri-ciri dan artefak sejarah dalam bangunan itu bagi menampilkan sejarah Melayu."

Encik Zainul menarik perhatian bahawa dengan hampir siapnya Gedung Kuning, proses membangunkan Istana Kampong Glam sebagai sebuah muzium kian rancak.

Menurutnya, projek taman Warisan Melayu itu merupakan sebuah projek besar dan justeru mengambil masa untuk disiapkan.

Lagipun projek tersebut perlu berdaya maju dan lantas harus diteliti dari segi perkembangan dan pembangunan kawasan tersebut keseluruhannya.

Bagi menentukan projek itu berjalan dengan baik, pihaknya mendapatkan khidmat sebuah konsultant bagi menilai daya maju kawasan itu sebelum seluruh kawasan tersebut dibangunkan, tamabahya.